

Persepsi Guru Terhadap Peranan Pusat Kegiatan Guru (PKG) Dalam Membantu Meningkatkan Kualiti Pengajaran Guru Di Sekolah Di Zon PKG Bandar Renggam, Kluang, Johor

Abdul Razak Idris & Azizah Binti Shahidan
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Pusat Kegiatan Guru (PKG) merupakan jalinan rancangan prasarana pendidikan yang berperanan sebagai pusat kegiatan profesional guru secara terancang dengan mengadakan kegiatan-kegiatan pendidikan yang mengutamakan perkembangan kurikulum dan teknologi. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi guru terhadap peranan PKG sebagai pusat latihan ikhtisas dan kurikulum, pusat sumber, agen penyelesaian masalah dan agen perubahan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah. Seramai seratus lapan responden daripada tiga puluh lima buah sekolah di dalam kawasan pentadbiran PKG Bandar Renggam, Johor telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Data yang diperoleh melalui soal selidik diproses menggunakan SPSS 15 untuk mendapatkan nilai min, peratus dan kekerapan. Kajian rintis telah dijalankan dan nilai kebolehpercayaan yang diperoleh adalah 0.968. Hasil analisis yang dijalankan, menunjukkan keseluruhan tahap PKG sebagai pusat ikhtisas dan kurikulum (3.54), pusat sumber (3.44), agen penyelesaian masalah (3.44) dan agen perubahan (3.33) dalam membantu meningkatkan pengajaran guru di sekolah berada pada tahap yang sederhana. Oleh itu, diharapkan pihak PKG dapat mengambil maklumat ini sebagai langkah untuk meningkatkan lagi peranannya bagi memastikan kualiti pengajaran terjamin.

Katakunci : persepsi guru, pusat kegiatan guru (PKG), kualiti pengajaran guru

Pengenalan

Guru masa kini perlu berganjak untuk menghadapi cabaran era teknologi yang semakin berkembang maju dengan pelbagai inovasi dan ciptaan baru dalam bidang komputer dan telekomunikasi. Sehubungan dengan itu, Pusat Kegiatan Guru (PKG) telah lama diwujudkan lanjutan daripada usaha memperluaskan lagi penggunaan teknologi pendidikan melalui Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN).

PKG yang ditubuhkan pada 14 Ogos 1990 melalui surat Ketua Pengarah Pendidikan KP (BTP) 8804/23/Jld.1(54) adalah untuk memenuhi hasrat kerajaan mewujudkan satu tempat untuk menjalankan pelbagai aktiviti demi mempertingkatkan taraf profesionalisme keguruan. Seterusnya, aspirasi guru untuk meningkatkan tahap pengajaran dapat direalisasikan.

Berasaskan pekeliling KP (PP0 0050/126/1Jld.7(23) bertarikh 30 Oktober 1995, PKG diletakkan di bawah pengurusan Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) di setiap negeri di Malaysia. Bagi pengurusan di peringkat kementerian pula, PSPN berada di bawah Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Sehubungan itu dan selaras dengan perkembangan ilmu tanpa sempadan yang menekankan penguasaan teknologi maklumat (IT), peranan PKG kini semakin diperlukan untuk membantu meningkatkan kualiti pendidikan di sekolah-sekolah melalui peningkatan taraf profesionalisme guru.

Penyataan Masalah

Penubuhan PKG pada tahun 1990 sebagai pusat perbincangan untuk guru-guru setempat adalah untuk mempertingkatkan kualiti dan prestasi pendidikan negara berlandaskan teknologi pendidikan. Ini merupakan satu usaha kerajaan bagi menangani isu dan masalah yang berkaitan dengan pendidikan

Menyedari akan kepentingan dan peranan PKG di kalangan pendidik, kerajaan Malaysia telah mengiktiraf PKG dengan mengurniakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam pada tahun 1995. Namun begitu, dalam usaha meningkatkan peranan PKG kepada sekolah, telah menampakkan kekurangan yang ketara.

Menurut laporan Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan, aktiviti pengajaran guru banyak menumpukan buku teks dengan menggunakan teknik syarahan dan penerangan. Guru dikatakan kurang inisiatif untuk menggunakan alat bantu mengajar, alat pandang dengar dan sumber-sumber lain bagi menggalakkan pelajarnya menajamkan kemahiran berfikir (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1991). Laporan ini menggambarkan penggunaan PKG yang dapat membantu guru menggunakan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajarannya amat berkurangan. Hal ini turut dinyatakan dalam kajian lepas yang telah dijalankan oleh Becker & Watt (1996), terdapat sebahagian guru yang telah sebatu dengan kaedah tradisional, sukar untuk membuat penyesuaian dengan teknologi instruksional dan kebimbangan guru-guru terhadap teknologi pendidikan telah menyebabkan mereka tidak begitu rela membuat perubahan di dalam bilik darjah (Abdul Rahim, Ng dan Toh, 1994).

Sementara hasil kajian Fouziah (2001) mendapati peralatan yang terdapat di PKG masih belum mencukupi bagi memenuhi kehendak guru-guru setempat. Dalam kajiannya juga menyatakan peranan PKG sebagai agen penyelesaian masalah masih pada tahap yang sederhana berikutan kurangnya kakitangan profesional dalam membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru dengan cepat.

Oleh itu dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat dari persepsi guru terhadap peranan PKG dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah.

Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif seperti berikut:

1. melihat dari persepsi guru terhadap peranan PKG sebagai pusat latihan ikhtisas dan kurikulum dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah.
2. melihat dari persepsi guru terhadap peranan PKG sebagai pusat sumber untuk mendapatkan maklumat/rujukan bagi meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah.
3. melihat dari persepsi guru terhadap peranan PKG sebagai agen penyelesaian masalah dalam membantu menyelesaikan masalah pengajaran guru di sekolah.
4. melihat dari persepsi guru terhadap peranan PKG sebagai agen perubahan dalam kaedah pengajaran guru.

Kepentingan Kajian

Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran akan melahirkan masyarakat yang bermutu seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Oleh itu, hasil kajian ini boleh dijadikan panduan kepada penyelaras PKG ke arah menjadikan PKG sebagai penggerak kegiatan guru dan masyarakat setempat dan memastikan peranan PKG menjadi lebih berkesan dan mengubah paradigma supaya PKG tidak tenggelam dalam arus kemajuan teknologi maklumat.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan. Tujuannya untuk melihat peranan PKG dalam membantu meningkatkan pengajaran guru di sekolah. Kajian ini menggunakan teknik soal selidik untuk mendapatkan maklumat mengikut kaedah kuantitatif yang diedarkan kepada responden. Reka bentuk ini dipilih kerana ia dapat mengumpul data dengan cepat dan dijalankan ke atas bilangan responden yang ramai. Dalam reka bentuk ini, faktor-faktor seperti latar belakang sekolah, jantina, bangsa dan kelulusan ikhtisas telah diambil kira.

Pensampelan Kajian

Dalam satu penyelidikan, mengenal pasti populasi merupakan satu ciri yang penting. Ia menentukan sejauh mana dan sebanyak mana data dan maklumat yang perlu dikumpulkan serta dianalisis. Populasi yang terlalu besar dan rumit memerlukan masa, tenaga dan kewangan yang banyak berbanding dengan populasi yang kecil dan mudah. Penggunaan pensampelan tersebut mestilah dijalankan mengikut kaedah yang dibenarkan untuk memastikan maklumat yang di dapati daripada penyelidikan boleh digunakan untuk membuat inferens ke atas populasi (Mohd. Majid, 1994).

Populasi dalam kajian ini terdiri daripada pendidik yang sedang mengajar di 4 buah sekolah menengah dan 31 buah sekolah rendah dalam Zon PKG Bandar Renggam dengan bilangan guru seramai 967 orang. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya menjalankan kajian ke atas 108 orang sampel responden sahaja. Ini adalah kerana kurangnya maklumbalas daripada guru-guru setelah borang soal selidik diedarkan ke sekolah-sekolah. Bilangan sampel responden ini merupakan bilangan minima bagi kajian jenis deskriptif (Gay, 1981). Responden terdiri dari pelbagai latar belakang, agama, bangsa, pengalaman dan status akademik dari sekolah bantuan penuh kerajaan.

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan, pengkaji terlebih dahulu telah menjalankan satu kajian rintis terhadap soal selidik yang telah disediakan. Ia diadakan untuk menentukan kebolehpercayaan soalan-soalan yang disediakan dan memperbetulkan kesilapan atau kejanggalan yang terdapat di dalam borang soal selidik.

Bagi tujuan ini, pengkaji telah memilih seramai 10 orang responden secara rawak yang bukan dari responden kajian sebenar. Hasil daripada kajian ini, index kebolehpercayaan yang diperoleh ialah $\alpha = 0.968$ dengan penyelesaian kaedah *Alpha Cronbach*. Pengkaji telah menggunakan perisian *SPSS 15 for window (Statistical Package For The Social Sciences)* untuk menganalisis data-data yang diterima.

Analisis Data

Keberkesanan PKG dapat berfungsi bukan sahaja menyediakan kemudahan yang serba lengkap dan canggih, tetapi menyediakan juga tenaga kepakaran untuk membantu para pendidik dalam usaha mempertingkatkan kemahiran seta kecekapan mereka. Oleh itu, PKG dianggap sebagai agen penyelesaian masalah. Jadual 4.7 menunjukkan hasil dapatan berhubung dengan peranan PKG sebagai agen penyelesaian masalah dalam membantu menyelesaikan masalah pengajaran guru di sekolah.

Jadual 1: Hasil dapatan peranan pkg sebagai agen penyelesaian masalah

No	Kenyataan	STS	TS	TP	S	SS	MIN	STD
17.	PKG membantu menyelesaikan masalah pengajaran guru.	1 0.9%	11 10.7%	40 37%	51 47.2%	5 4.6%	3.44	.777
18.	PKG sebagai tempat berbincang mengenai masalah pengajaran	1 0.9%	17 15.7%	31 28.7%	55 50.9%	4 3.7%	3.41	.832
19.	PKG memberi komitmen terhadap permasalahan pengajaran dengan memberi khidmat nasihat	2 1.9%	21 19.4%	34 31.5%	48 44.4%	3 2.8%	3.27	.871
20.	Permasalahan yang diatasi memberi kesan positif terhadap proses pengajaran	2 1.9%	23 21.3%	40 37%	39 36.1%	4 3.7%	3.19	.877
21.	Kursus, seminar, bengkel dan ceramah menghasilkan bahan pengajaran	1 0.9%	7 6.5%	15 13.9%	66 61.1%	19 17.6%	3.88	.806
	Min keseluruhan						3.44	0.67

Analisis item 17 menunjukkan PKG dapat membantu menyelesaikan masalah pengajaran yang dikemukakan oleh guru-guru dan 56 orang (51.8%) daripada 108 orang responden bersetuju mengenainya. Sementara 40 orang (37%) tidak pasti dan 12 orang (11.1%) lagi tidak bersetuju.

Item 18 pula menunjukkan 59 orang (54.6%) responden bersetuju bahawa PKG seringkali dijadikan tempat berbincang dan bertukar fikiran mengenai masalah pengajaran mereka di dalam bilik darjah, manakala 31 orang (28.7%) tidak pasti dan selebihnya menyatakannya tidak setuju iaitu seramai 18 orang (16.6%)

Analisis item 19 menunjukkan 51 orang (47.2%) responden bersetuju pihak PKG memberikan komitmen yang jitu terhadap permasalahan pengajaran dengan memberikan khidmat nasihat kepada guru-guru. Walaubagaimanapun, 34 orang (31.5%) lagi tidak pasti mengenainya dan bakinya seramai 23 orang (21.3%) tidak bersetuju.

Bilangan responden yang bersetuju dengan item 20 ialah seramai 43 orang (39.8%) mengakui permasalahan yang berjaya diatasi oleh pihak PKG memberikan kesan yang positif terhadap proses pengajaran seterusnya. Manakala 40 orang (37%) tidak pasti dan 25 orang (23.2%) lagi menyatakannya sebagai tidak berjaya.

Item 21 menunjukkan seramai 85 orang (78.7%) responden bersetuju PKG merupakan tempat berbengkel bagi menghasilkan bahan pengajaran, sementara 15 orang (13.9%) tidak pasti dan hanya 8 orang (7.4%) responden tidak setuju ianya sesuai untuk tempat berbengkel.

Kesimpulannya, hasil dapatan persoalan 3 mendapati kebanyakan guru-guru menganggap PKG berjaya sebagai agen penyelesaian masalah dalam menyediakan prasarana dari aspek kemahiran dan kemudahan walaupun berada pada tahap yang sederhana dengan min 3.44. Oleh itu responden mengharapkan PKG dapat menyediakan sesuatu yang mereka boleh memanfaatkan apabila berada di dalam bilik darjah dan perancangan yang dibuat haruslah meliputi pelbagai bidang pendidikan khususnya teknologi pendidikan.

Perbincangan

Kajian ini dijalankan untuk mendapatkan maklum balas daripada guru-guru berhubung peranan PKG dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru di sekolah. Objektif kajian ialah untuk melihat dari persepsi guru peranan PKG iaitu;

- (i) Peranan PKG sebagai pusat latihan ikhtisas dan kurikulum dalam membantu meningkatkan kualiti pengajaran guru.
- (ii) Peranan PKG sebagai pusat sumber bagi mendapatkan maklumat/rujukan dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru.
- (iii) Peranan PKG sebagai agen penyelesaian masalah dalam membantu menyelesaikan masalah pengajaran guru.
- (iv) Peranan PKG sebagai agen perubahan dalam kaedah pengajaran guru.

Instrumen yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah soal selidik, temubual dan pemerhatian. Soal selidik ini telah diolah daripada kajian-kajian yang lepas selepas melalui satu kajian rintis. Kaedah temubual pula dijalankan untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Sementara kaedah pemerhatian difokuskan kepada corak infrastruktur dan penggunaan teknologi pendidikan. Data yang diperolehi daripada soal selidik dikumpulkan dan dianalisis secara statistik dengan menggunakan perisian SPSS.

Sampel responden untuk soal selidik terdiri daripada 108 orang guru terlatih yang sedang mengajar di sekolah rendah dan menengah bantuan penuh kerajaan dalam zon PKG Bandar Renggam. Mereka dipilih secara rawak dan merupakan golongan yang pernah berurusan dengan pihak PKG. Sampel temubual adalah penyelarass PKG Bandar Renggam.

Daripada dapatan kajian dapat dirumuskan bahawa dari persepsi guru:

- (i) PKG berjaya memainkan peranannya sebagai pusat ikhtisas dan kurikulum melalui seminar, bengkel dan kursus yang dikendalikan oleh PKG dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran guru-guru.
- (ii) PKG berjaya memainkan peranannya sebagai pusat sumber melalui penyaluran maklumat pendidikan terkini dan pameran bahan-bahan pendidikan yang dapat digunakan oleh guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran mereka.
- (iii) PKG berjaya memainkan peranannya sebagai agen penyelesaian masalah dalam menyediakan prasarana dari aspek kemahiran dan kemudahan dalam membantu menyelesaikan masalah pengajaran guru
- (iv) Guru-guru berpendapat bahawa PKG boleh dianggap sebagai agen perubahan dalam kaedah pengajaran guru dari aspek penggunaan teknologi pendidikan.
- (v) Guru-guru berminat menyertai aktiviti yang melibatkan penggunaan teknologi pendidikan, penghasilan bahan-bahan pengajaran dan pendedahan kepada kurikulum dalam usaha mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan mereka.
- (vi) Pada keseluruhannya, peranan PKG dalam meningkatkan kualiti pengajaran guru berada pada tahap yang sederhana.

Peranan yang dimainkan oleh PKG sebagai agen penyelesaian masalah adalah penting bagi membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh guru khususnya proses pengajaran. Peranan ini juga dipandang serius oleh Noraini (2002) di mana dia menyatakan PKG yang cemerlang melalui pengurusan yang baik juga akan membuka ruang kepada mendorong ke arah usaha bersama bagi guru-guru menyelesaikan masalah dan seterusnya meningkatkan lagi kualiti pengajaran di sekolah.

Hasil kajian mendapati peranan PKG sebagai agen penyelesaian masalah dalam membantu menyelesaikan masalah pengajaran guru adalah pada tahap yang sederhana. Hal ini

mungkin disebabkan oleh pihak PKG yang jarang atau tidak pernah berunding dengan guru-guru berkaitan dengan masalah pengajaran mereka. Ini dapat dilihat daripada hasil dapatan kajian di mana bilangan guru yang bersetuju dan tidak pasti hampir sama banyak bagi menyatakan permasalahan yang berjaya diatasi oleh pihak PKG memberikan kesan yang positif terhadap proses pengajaran seterusnya.

Walau bagaimanapun, peranan PKG sebagai agen penyelesaian dari segi kemudahan fizikal dan kemahiran amat berkesan. Ini dibuktikan dari hasil analisis yang menyatakan bahawa PKG dapat menyediakan kemudahan bagi tempat mengadakan diskusi, kursus, bengkel, ceramah dan penghasilan bahan pengajaran.

Tambahan pula, guru-guru sependapat bahawa PKG dapat membantu menyelesaikan masalah pengajaran yang dikemukakan oleh guru-guru dan seringkali PKG dijadikan tempat berbincang dan bertukar fikiran mengenai masalah pengajaran mereka di dalam bilik darjah.

Kesimpulannya, dapat dikenalpasti bahawa peranan PKG sebagai agen penyelesaian masalah berada pada tahap yang sederhana. PKG merupakan tempat yang sesuai dijadikan tempat penyelesaian masalah tetapi peranan yang dimainkan oleh PKG masih tidak dapat meyakinkan guru-guru. PKG juga harus meningkatkan lagi usaha dalam membantu dan meyakinkan guru-guru setempat terhadap peranannya sebagai agen penyelesaian masalah.

Rujukan

- Anuar Zainuddin (1999). *Peranan dan Penggunaan PKG kepada Guru-Guru Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah dalam Zon PKG J13, Bandar Baru Uda, Johor Baru*. Universiti Teknologi Malaysia : Tesis Sarjana Muda.
- Azizi Yahya (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : PTS Profesional.
- Becker, W.E & Watts, M. (1996). *Chalk and Talk: A National Survey on Teaching Undergraduate Economics*. American Economic Review, 86(2) 448-453.
- Esah Sulaiman (2003). *Modul Pengajaran Asas Pedagogi*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Faridah T. Subahan (1993). *Strategi Pusat Sumber dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Jensen , A (1971). *Individual Difference Visual and Auditory Memory*. Educational Journal Research, 62 (2) : 36-41.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1982). *A Report Tour To Netherlands, Great Britain, India and Sri Lanka*. Kuala Lumpur : Bahagian Perancangan dan Penyelidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (1992). *Pusat Kegiatan Guru. Konsep dan Pengoperasian*. Kuala Lumpur : Bahagian Teknologi Pendidikan.
- Mat Jizat Abdol (2005). *Teknologi Pengajaran dan Pembelajaran*. Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nelson, E (1987). *The Decline of Traditional Media and Materials In The Classroom*. Journal of Educational Technology 18(1)89-94.
- Omar Zakaria (1995). *Persepsi Guru tentang Kewujudan Pusat Kegiatan Guru*. UKM. Tesis Sarjana. Tidak diterbitkan.
- Stuck, D.L and Manatt R.P (1970). *A Comparison of Audio-Tutorial and Lecture Method of Teaching*. Journal of Educational Research, 63 (9) : 414-418.
- Yusup (2004). *Kajian Terhadap PKG dalam Meningkatkan Profesionalisme Guru*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Tidak diterbitkan.